

31 JAN 2003

MIC-Pemilihan/I

PERATURAN BARU BAGI MEREKA YANG MEREPUT JAWATAN DLM MIC

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- MIC akan menyingkirkan atau menggantung mana-mana pemimpin parti itu yang membawa para perwakilan bercuti semasa musim pemilihan parti kerana 'percutian' seperti itu dianggap sebagai pendorong untuk mendapatkan undi, kata presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

"Lawatan-lawatan itu adalah pendorong untuk mengundi calon tertentu. Ini mesti dihentikan. Kita tidak akan teragak-agak untuk menyingkirkan atau menggantung mana-mana ketua yang melakukannya," kata beliau.

Bagaimanapun, parti itu tidak akan menghalang calon-calon daripada mengadakan pertemuan ataupun jamuan bersama para perwakilan kerana atas semangat demokrasi kita membenarkannya, kata Samy Vellu kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa pusat parti (CWC) di ibu pejabat MIC di sini.

Beliau berkata dalam pilihan raya MIC tahun 2000 berlaku dua kes calon menaja percutian ke Thailand bagi perwakilan dan kali ini satu kes seperti itu telah dilaporkan kepada ibu pejabat parti.

Samy Vellu, apabila diminta menjelaskan lanjut mengenai kes terbaru itu hanya sekadar berkata ia seorangng ketua bahagian "yang melakukan perkara yang sama sebelum ini."

Mesyuarat CWC MIC hari ini menetapkan 30 Mac bagi pemilihan presiden parti sementara pencalonan ialah pada 8 Mac. Pengundian jika ada pertandingan bagi jawatan presiden, akan berlangsung dari 10 pagi hingga 1 tengah hari di kesemua 125 bahagian parti itu.

CWC juga memutuskan bahawa pemilihan bagi jawatan-jawatan lain dalam parti akan diadakan pada 10 Mei. Tarikh pencalonan bagi jawatan-jawatan ini masih belum ditetapkan.

MIC, parti masyarakat India yang terbesar di negara ini juga akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya pada 10 Mei. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan perhimpunan agung itu.

Parti itu pada tahun lepas meminda perlembagaannya untuk membolehkan pemilihan presiden diadakan tiga bulan sebelum tempoh penggal jawatan presiden tamat. Tempoh penggal Samy Vellu berakhir pada 27 Mei ini.

Pindaan perlembagaan parti itu juga membolehkan 4,500 pengerusi cawangan turut mengundi untuk memilih presiden MIC. Sebelum ini hanya perwakilan bahagian yang memilih pemimpin tertinggi parti.

Samy Vellu berkata semua cawangan MIC dihendaki menyelesaikan mesyuarat agung tahunan dan pemilihan anggota jawatankuasa menjelang 28 Feb sementara bahagian-bahagian MIC mempunyai tempoh sehingga 31 Mac untuk berbuat demikian. Semua MIC negeri perlu menyelesaikan mesyuarat agung tahunan masing-masing menjelang 30 April.

Beliau berkata tarikh bagi pemilihan parti itu ditetapkan oleh jawatankuasa pemandu MIC yang diketuai oleh veteran MIC veteran Tan Sri G. Pasamanickam.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada mereka yang beraspirasi menjadi calon, Menteri Kerja Raya itu berkata parti mahukan pemimpin dan anggota-anggotanya berdisiplin tinggi dan mematuhi peraturan parti.

"Jagalah nama baik parti...jika sesiapa mahu cetuskan pergaduhan ataupun karenah lain tindakan tegas akan diambil terhadap mereka," kata beliau lagi.

Sementara itu, beliau berkata parti itu akan meminda perlembagaannya untuk turut memasukan sayap Puteri MIC hanya bila sayap itu mencapai

sasaran keanggotaan sebanyak 10,000 orang dalam tempoh enam bulan ini.

"Sekarang ini mereka mempunyai lebih kurang 2,900 anggota, kita mahu 10,000 anggota dalam tempoh enam bulan lagi. Apabila bilangan anggota mencapai 10,000 orang, anggota-anggota Puteri akan mengusahakan pemindaan perlembagaan parti ...mereka perlu membuktikan kewibawaan mereka," katanya.

Beliau juga mengumumkan penubuhan bahagian baru MIC di Cameron Highlands memandangkan bilangan tinggi cawangan sekarang ini di bawah bahagian Kuala Lipis.

"Ketua-ketua cawangan di Cameron Highlands mendapati sukar untuk pergi ke Kuala Lipis memandangkan jarak yang terlibat, juga terdapat bilangan tinggi cawangan jadi kami memutuskan untuk membahagikan bahagian Kuala Lipis," kata beliau lagi.

Beliau berkata parti itu juga akan mengkaji semula kedudukan semua bahagian MIC di negara ini selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengeluarkan senarai muktamad sempadan-sempadan parlimen dan negeri.

-- BERNAMA

SR MFJ PR